



TEMA 1: MEREALISASIKAN IMPIAN | SUKAN DRON NEGARA



PDB/DSKP

APLIKASI DAN SISTEM BAHASA **MORFOLOGI**
~~KATA KERJA AKTIF TRANSITIF~~



Senaraikan **lima kata nama terbitan** dan **bina** ayat sendiri untuk setiap kata yang anda pilih pada ruang yang disediakan.

Akademi **Kecemerlangan** Sukan Dron Negara (AKSADRON) yang pertama di Malaysia bertempat di Kuantan, Pahang. AKSADRON akan menjadi hab untuk **perlumbaan** dan aktiviti dron berprestasi tinggi, selain merupakan zon sukan dron pertama di negara ini dengan menampilkan trek **perlumbaan** bagi menganjurkan acara sukan tersebut pada peringkat antarabangsa.



Akademi ini akan menjadi sebagai tempat rekreasi dan juga pusat **penciptaan** inovasi dengan memupuk sukan **perlumbaan** dron sambil melahirkan bakat baharu yang sangat mahir untuk **kegunaan** pelbagai sektor. AKSADRON akan menampilkan trek **perlumbaan** dron diiktiraf antarabangsa dengan ruang untuk **pengawal** dron (pilot pit), tempat **penonton** dan menara **kawalan**.

AKSADRON akan menjadi pusat sehenti cemerlang untuk **peminat** sukan dan juga pakar teknikal dron dengan **kemudahan** lengkap termasuk bilik darjah, bengkel, simulator **penerbangan**, ruang kerja dan **penginapan**.

Bil.	Kata Nama Terbitan	Ayat
1.	kecemerlangan	Anak-anak murid hendaklah memerah otak untuk mencapai kecemerlangan akademik.
2.	perlumbaan	Remaja yang terbabit dalam perlumbaan haram berkait rapat dengan kepincangan keluarga.
3.	penciptaan	Penciptaan teknologi moden dapat meringankan kerja manusia.
4.	kemudahan	Kerajaan menyediakan kemudahan awam demi kemaslahatan rakyat.
5.	penginapan	Kemudahan penginapan, seperti hotel, motel, rumah rehat dan calet, yang selesa dapat merancakkan sektor pelancongan.